

Syarahan umum 100 hari pelantikan NC

KUANTAN Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan mengadakan majlis syarahan umum sempena 100 hari pelantikan Profesor Datuk Dr. Daing Mohd. Nasir Ibrahim sebagai Naib Canselor (NC) di Dewan Kuliah Utama 11, Blok W di universiti itu, Jumaat ini.

Pegawai Perhubungan Awam dan Media UMP, Nadzariah Mohamed berkata, menerusi syarahan yang bertemakan 'Memandu keutamaan agenda kecemerlangan' itu, Daing Mohd. Nasir akan membentangkan wawasannya sejak dilantik menjadi Naib Canselor di universiti berkenaan.

"Daing Nasir akan membuat imbasan ringkas pencapaian dan prestasi UMP sejak pelantikannya sebagai Naib Canselor pada 16 Mei lalu," katan Nadzariah dalam kenyataannya di sini semalam.

Daing Mohd. Nasir yang sebelum ini merupakan Pengarah Pusat Pengurusan Termaju Universiti Sains Malaysia (USM) dilantik menjadi Naib Canselor UMP menggantikan Profesor Datuk Mohamed Said Mat Lela yang tamat tempoh lantikan pada 16 Mei lalu.

Daing Mohd. Nasir yang berkelulusan dalam bidang perakaunan dari Universiti of Dundee, Scotland itu pernah menjadi Dekan di Pusat Pengajian Pengurusan USM selama 10 tahun.

Daing Mohd. Nasir juga merupakan seorang akauntan dan pernah menjadi Timbalan Presiden 'Fellow of the Certified Practicing Accountants of Australia' (FCPA) di Malaysia.

Selain itu, beliau juga merupakan Ahli Majlis 'Malaysian Institute of Accountants' dan bergerak aktif dalam pelbagai jawatankuasa bagi majlis yang sama.